

M.P.U. 1/2003
PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM
(MELAKA) 2003

Peraturan 3. Permohonan pendaftaran.

- (1) Mana-mana orang yang ingin menubuhkan atau menyenggarakan sesuatu sekolah agama hendaklah memohon kepada Pendaftar untuk mendaftarkan sekolah agama itu dengan mengemukakan kepada Pendaftar dokumen-dokumen yang berikut:
- (a) suatu permohonan pendaftaran dalam Borang A Jadual Pertama dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu untuk menunjukkan sama ada permohonan itu adalah bagi pendaftaran suatu sekolah agama yang sedia ada atau yang dicadangkan;
 - (b) suatu surat cara pengurusan sekolah itu dalam Borang B Jadual Pertama dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu atau sesuai dengan mana-mana sekolah yang tertentu;
 - (c) suatu senarai anggota Jemaah dalam Borang C Jadual Pertama dalam dua salinan yang hendaklah ditandatangani oleh semua anggota Jemaah; dan
 - (d) fi yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.
- (2) Pendaftar hendaklah mengaku terima secara bertulis tiap-tiap permohonan yang dibuat kepadanya dan hendaklah mengeluarkan suatu resit bagi fi yang dibayar.
- (3) Seseorang yang membuat permohonan di bawah peraturan ini hendaklah memberi Pendaftar apa-apa maklumat atau dokumen berkenaan dengan permohonan itu jika dikehendaki sedemikian oleh Pendaftar.
- (4) Pendaftar boleh meminta supaya permohonan yang dikemukakan di bawah subperaturan (1) dipinda atau dilengkapkan jika—
- (a) Borang A Jadual Pertama tidak dilengkapkan dengan sempurna disebabkan oleh apa-apa peninggalan atau salah perihalan;
 - (b) Borang A Jadual Pertama mengandungi kesalahan atau pengubahan;
 - (c) surat cara pengurusan tidak disediakan dengan sepatutnya atau kandungannya tidak mencukupi; atau
 - (d) permohonan itu tidak mematuhi apa-apa keperluan yang dinyatakan.
-